

Handwritten signature

د. نوره آزلان محمد نور

DR. NOOR AZLAN MOHAMED NOOR

رئيس قسم علم الاجتماع والأنثروبولوجيا

Head Department of Sociology & Anthropology

Faculty of Islamic Studies, Revealed Knowledge & Human Sciences

Received 7/5/18 Tuesday

KEPIMPINAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DAN TRANSFORMASI KESEJAHTERAAN SOSIAL NEGARA

Penyunting:

Roziyah Omar, Ph.D

Sivamurugan Pandian, Ph. D

Zainal Abidin Sanusi, Ph.D

KEPIMPINAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DAN TRANSFORMASI KESEJAHTERAAN SOSIAL NEGARA

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan sama sekali menerbitkan semula mana-mana bahagian daripada buku ini dalam apa saja bentuk dan dengan apa-apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara-cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pihak penerbit.

Cetakan Pertama, Mac 2013

Penyunting

Roziah Omar, Ph.D
Sivamurugan Pandian, Ph.D
Zainal Abidin Sanusi, Ph.D

Pembantu Penyunting

Norazli Md. Daud
Nurul Farhana Ramli
Mohd Hanis Hadi Rahman
Mohd Fadhil Yahya

Dicetak Untuk

Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT)
Lebuh Enstek, Bandar Enstek
71760 Negeri Sembilan
Tel: +606 799 7474
Faks: +606 799 7440

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
Tel: +604 653 3369
Faks: +604 657 0918

ISBN 978-967-10602-4-7

Pencetak Dan Reka Bentuk

Solid Colour Printing & Advertising

KANDUNGAN

Prakata

Pengukuhan Kepimpinan Institusi Pengajian Tinggi Dalam Transformasi Kesejahteraan Sosial Negara Roziah Omar Sivamurugan Pandian Zainal Abidin Sanusi	1
Kesejahteraan Sosial: Makna, Pendekatan Dan Strategi Pengoperasiannya Siti Hajar Abu Bakar Ah	9
Isu Kesejahteraan Sosial Negara Mohd Ridhuan Tee Abdullah	22
Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia Anjli Doshi	35
Kesejahteraan Sosial Dan Jenayah: Kes-kes Rogol Statutori Di Kalangan Orang Melayu Di Kuala Lumpur, Malaysia Noor Azlan Mohd. Noor Mohamad Ismail Hj. Mohd. Yunus Bazlin Darina Ahmad Tajudin	39
Bentuk Hubungan Etnik dalam Memacu Transformasi Sosial Di Institusi Pengajian Tinggi Norazli Md Daud Nurul Farhana Ramli Mohd Hanis Hadi Rahman Mohd Fadhil Yahya	51
Cabaran Kesejahteraan Sosial Negara: Perspektif Kerja Sosial Dr. Zarina Mat Saad Zulkarniain A. Hatta	59
Implementasi Dasar Sosial Di Malaysia Dan Indonesia: Perbandingan Konsep Mohamad Zahir Zainudin	66
Kesejahteraan Sosial: Strategi Pengukuhan Diri Dari Perspektif Sosiologi Rosila Bee Mohd Hussain	80
Strategi Transformasi Kesejahteraan Mental Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Surendran Rajaratnam Azlinda Azman Muthukumaran Lohganathan	87
Strategi Pengukuhan Peranan Universiti Dalam Pembangunan Dan Kesejahteraan Sosial Pelajar Azlinda Azman	95

Pemahaman Anggota Polis Berpangkat "Rank and File" Terhadap Garis Panduan Operasi (SOP) Program Pertukaran Jarum & Alat Suntikan (NSEP) di Pulau Pinang Paramjit Singh Jamir Singh Azlinda Azman Mohd Haizzan Yahaya	104
Penulisan Berita Jenayah: Antara Sensasi, Etika Dan Tanggungjawab Sosial Hasmah Zainuddin Yuslinda Mat Yassin Jason Tham Jen Sern	115
Perpustakaan Universiti Sains Malaysia Dan Kesejahteraan Sosial: Apa Peranan Kami? NorAzan Ibrahim A.Basheer Ahamadhu Ameer Sultan Mohd Kamal Mohd Napiah Meor Mohd Arafat Mohamad Shahini	131
Hak Pendidikan Kanak-kanak Di Institusi Kebajikan Pathmanathan R. Nalasamy	137
Pendidikan Dan Kesejahteraan Sosial Negara Turiman Suandi Azahari Ismail Ismi Arif ismail	151
Keluarga Dan Kesejahteraan Sosial Negara Khadijah Alavi	159
Peranan Institusi Messo Dalam Menjamin Kecemerlangan Akademik Pelajar Mohd Haizzan Yahaya Paramjit Singh Jamir Singh Muhamad Fadhil Nurdin	171
Pentingnya Penyelidikan Kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan Wong Huey Siew	182
Kerja Sosial Di Malaysia: Peranan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Dalam Transformasi Kesejahteraan Psikososial Negara. Ismail Baba	187
Biodata Penulis	196

BAB 5

Kesejahteraan Sosial dan Jenayah: Kes-Kes Rogol Statutori di Kalangan Orang Melayu di Kuala Lumpur, Malaysia

Noor Azlan Mohd. Noor
Bazlin Darina Ahmad Tajudin
Mohamad Ismail Hj. Mohd. Yunus

Pengenalan

Menurut perspektif Islam, konsep komuniti dan kesejahteraan sosial dapat diterjemahkan melalui ayat 13 Surah *al-Hujuraat* (الحُجُرَات): "Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Mengenal" (Shehnaz & Kausar, 2007b).

Dalam ayat ini, Allah berfirman bahawa semua manusia adalah sama kecuali mereka yang bertaqwa dan melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka demi kesejahteraan orang lain. Amanah di sini bermaksud peranan kita sebagai khalifah-Nya (vicegerent) di atas muka bumi demi memelihara kesejahteraan sosial sesebuah komuniti. Dalam erti kata lain, konsep komuniti dan kualiti kehidupannya terletak pada peranan khalifah yang telah diamanahkan oleh Allah s.w.t. kepada kita sebagai penjaga-Nya di atas muka bumi ini. Ini telah diperjelaskan lagi melalui ayat 30 Surah *al-Baqarah* (البقرة) Allah berfirman: "Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi". Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui" (Shehnaz & Kausar, 2007a).

Ayat-ayat Qur'an di atas telah memperuntukkan betapa pentingnya anggota komuniti melindungi kehidupan mereka daripada sebarang unsur kejahatan atau perkara-perkara yang boleh memudaratkan kualiti kehidupan sesebuah komuniti. Kajian membuktikan bahawa jenayah dan perasaan takut kepada perilaku jenayah adalah isu serius yang perlu ditangani oleh masyarakat. Alasannya, kerana ia boleh menyebabkan kemerosotan kualiti kehidupan sesebuah komuniti (Cronkwhite, 2005; Marzbali et al. 2011). Oleh sebab itu, mengurangkan jenayah dan perasaan takut kepada perilaku jenayah adalah satu keperluan penting sebagai satu usaha ke arah mewujudkan pembangunan yang lebih lestari (*sustainable*). Menurut Marzbali et al. (2011), komuniti lestari, hendaklah didefinisikan melalui imejnya sebagai sebuah komuniti yang sihat. Bagi tujuan tersebut, ciri-ciri pembangunan fizikal persekitaran telah diberi perhatian khusus dalam kajian ini sebagai usaha penambahbaikan kepada keseluruhan kualiti kehidupan komuniti. Persoalan penting di sini ialah meneliti keberkesanan pencegahan jenayah melalui pendekatan reka bentuk. Pendekatan reka bentuk ini menggunakan kaedah pencegahan jenayah berasaskan-tempat (*placed-based crime prevention*) sebagai satu usaha ke arah mencapai matlamat pembangunan yang lebih lestari. Pencegahan jenayah berasaskan-tempat ini telah diperluaskan menerusi konsep ruang yang boleh dipertahankan (*defensible space*), reka bentuk persekitaran (*crime prevention through environmental design* (CPTED), pencegahan jenayah mengikut situasi dan teori-teori kriminologi persekitaran (*environmental criminology theories*) (Marzbali et al., 2011:160-167).

Kesejahteraan dan kualiti kehidupan adalah dua konsep yang saling berkaitan. Kajian-kajian sebelumnya menyatakan bahawa kesenangan hidup, harta benda, dan pekerjaan merupakan sumber terpenting yang membawa kepada kesejahteraan. Terdapat juga kajian yang berpendapat bahawa kesejahteraan sosial boleh diukur daripada fikiran yang sihat atau kemahiran menyelesaikan tugas-tugas yang spesifik. Selain daripada itu, sebahagiannya berpendapat bahawa kesejahteraan bergantung kepada ciri-ciri sosial sesebuah komuniti, iaitu, pendidikan atau nilai-nilai (Nussbaum, 2000:6; Khan & Juster, 2001). Kesejahteraan sosial dapat dihubungkan dengan kebolehan atau kemampuan seseorang untuk mengambil bahagian dalam masyarakat, memenuhi peranan-peranan seperti sebagai ahli keluarga, teman, pekerja, atau warganegara dan mereka yang terlibat dalam menjalinkan hubungan sosial dengan individu lain (Keyes, 1998:122; National Institute of Health, 2011). Bagi United States Institute of Peace (2012) kesejahteraan sosial didefinisikan sebagai sejauh mana keperluan asasi manusia dapat dipenuhi, anggota komuniti boleh hidup bersatu-padu secara aman dalam sesebuah komuniti dan merebut peluang-peluang kehidupan untuk maju. Indikator kesejahteraan sosial adalah berbeza-beza mengikut komuniti. Misalnya, Asmah (1999) telah mengemukakan pelbagai indikator kesejahteraan sosial seperti perlindungan, kesihatan, pendidikan, masa lapang; keselamatan, kestabilan sosial, persekitaran fizikal dan pendapatan. Manakala, White (2008:7) merujuk kesejahteraan sosial sebagai sifat hubungan kesejahteraan yang menitikberatkan tingkahlaku personal dan interaksi sosial. Dalam erti kata lain, dimensi ini termasuklah hubungan kasih sayang dan jagaan; jaringan sokongan dan kewajipan; hubungan dengan kerajaan; undang-undang, politik, kebajikan, sosial, identiti budaya dan politik, ketaksamaan sosial; keganasan, konflik dan keselamatan; dan ruang lingkup untuk tindakan dan pengaruh secara personal dan kolektif.

Dalam usaha mencapai kesejahteraan sosial, masyarakat perlu menyelesaikan pelbagai masalah, iaitu, jenayah yang menghalang kestabilan sosial (Azmi Ramli, 1982). Bagi Cronkhite (2005:7-9), penekanan penting adalah program pencegahan jenayah berasaskan komuniti sebagai usaha mencegah jenayah daripada merebak. Kajian ini telah mencadangkan bahawa adalah amat penting bagi anggota komuniti menjaga dan memelihara kepentingan kejuruan untuk memastikan komuniti secara relatifnya bebas-jenayah. Pada masa yang sama, komuniti tersebut hendaklah menubuhkan jawatankuasa penasihat kualiti kehidupan yang terdiri daripada warganegara yang prihatin dan pakar-pakar dalam usaha mewujudkan sebuah kejuruan yang harmoni dan berkembang baik. Jawatankuasa penasihat ini melibatkan usaha membangunkan satu kaedah bagi mengukur kualiti kehidupan dalam komuniti dan menubuhkan satu kerangka asas, dan secara bersepadu dalam menyelia kadar jenayah yang berlaku dalam sesebuah komuniti.

Oleh hal yang demikian, reka bentuk strategi pencegahan jenayah adalah penting dalam usaha membentuk pembangunan bandar yang lestari. Kajian-kajian mencadangkan bahawa keprihatinan mewujudkan persekitaran bebas-jenayah sewajibnya menjadi salah satu keperluan asas yang utama bagi manusia dalam usaha menghasilkan pembangunan yang lestari (Cozens, 2007:187). Misalnya, Devon County Council (2000) mendefinisikan komuniti lestari sebagai sebuah komuniti yang bebas-jenayah dan individu-individu yang mendiaminya berasa aman dan selamat (Schneider & Kitchen, 2002:27). Tambahan lagi, Massomeh Hedayati Marzbali et al. (2011) menyatakan bahawa mengurangkan kadar jenayah dan rasa takut akan kejadian jenayah boleh membantu untuk menambahbaik kualiti kehidupan yang merupakan faktor utama dalam menghasilkan pembangunan yang lebih lestari. Carmona (2001:167) antara lain, menyatakan bahawa rasa selamat dan bebas-jenayah dalam hubungan sosial adalah perlu untuk mencapai pembangunan yang lestari lagi mampan. Malah, pada hakikat sebenarnya, kerajaan dan pihak-pihak berkuasa lainnya telah sedaya upaya mencuba untuk mengatasi fenomena ini. Usaha ini dilakukan melalui pelaburan dan perbelanjaan kewangan yang besar tentang langkah-langkah pencegahan. Walau bagaimanapun, masalah ini masih tidak dapat diatasi kerana kadar jenayah di serata dunia masih terus meningkat. Usaha menangani dan mengurangkan kesan negatif daripada jenayah ke atas kehidupan

manusia adalah tidak dapat dielakkan dan akan membawa kepada keperluan perundangan yang lebih tegas. Oleh itu, keadaan ini akan selanjutnya mendorong lebih ramai penglibatan daripada pihak individu-individu dan komuniti itu sendiri. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Cozens (2007:196), pencegahan jenayah dan rasa takut akan jenayah perlu diberi pertimbangan sewajarnya sebagai satu komponen bersepadu dalam merancang pembangunan bandar yang lestari. Oleh itu, artikel ini akan cuba melihat kepada kesan jenayah rogol statutori dan hubungannya kepada mewujudkan kesejahteraan sosial komuniti.

Latar Belakang Kajian

Rogol merupakan satu jenayah serius yang boleh mencemarkan asas institusi keluarga dan masyarakat. Oleh sebab itu, tidak dapat dinafikan, kesemua agama yang berasaskan wahyu mengharamkan sebarang bentuk jenayah seksual dan menentang segala perilaku seksual yang boleh menjejaskan asas masyarakat. Islam sebagai ad-din dengan tegas melarang keras segala perilaku seksual kerana ia boleh mendatangkan kecelaruan dalam masyarakat dari segi susur-galur keturunan, penganiayaan kanak-kanak, kecelaruan moral dan hubungan kekeluargaan, keganasan rumahtangga dan merebaknya wabak penyakit kelamin seperti HIV/AIDS. Di bawah perundangan Islam, rogol dikategorikan sebagai jenayah seksual paling serius yang perlu ditangani. Jenayahnya tidak hanya terhad kepada kesalahan seksual semata-mata kepada masyarakat dan negara, tetapi dilihat sebagai satu bentuk jenayah yang melibatkan persoalan reputasi keluarga, kehormatan dan integriti mangsa yang tercemar.

Oleh hal yang demikian, untuk memahami isu ini pada keseluruhannya, adalah perlu bagi kita meneliti persoalan yang telah Islam anjurkan dan ajarkan kepada kita tentang nilai kehidupan manusia. Islam melihat kehidupan manusia sebagai sesuatu kehidupan suci yang dianugerahkan oleh Allah¹swt. Qur'an telah acapkali memberi penekanan tentang kehormatan kehidupan (*hurmat al hayat*) "حرمة الحياة". Kehidupan bagi setiap individu tanpa mengira jantina, umur, kewarganegaraan atau agama perlu dihormati. Menurut Islam, seorang wanita perlu dihormati dan dilindungi dalam semua keadaan, sama ada dia itu seorang warganegara sesebuah negara atau datang daripada pihak musuh. Malah, pertimbangan juga mengambil kira sama ada dia mengikuti sesuatu agama atau penganut agama lain ataupun tidak ada agama sama sekali. Seorang Muslim tidak boleh mencabuli wanita berkenaan dalam apa jua keadaan sekalipun. Kesemua bentuk hubungan sumbang mahram adalah haram tanpa mengira kedudukan seseorang wanita tersebut, sama ada wanita itu bersetuju atau tidak bersetuju dengan tingkah laku tersebut. Hukuman berat telah ditetapkan bagi kesalahan seksual tersebut. Oleh sebab pencerobohan ke atas kehormatan seseorang wanita itu diharamkan dalam Islam, seorang Muslim yang telah didapati melakukan kesalahan ini tidak dapat lari daripada hukuman tersebut (Mazhar, 2002).

¹ Kebanyakan pendapat bersetuju bahawa dara khususnya bagi wanita Muslim adalah simbol maruah diri. Bagi sesetengah masyarakat, seseorang yang kehilangan dara secara tidak sah atau melalui cara yang bertentangan dengan agama, akan dianggap sebagai seorang yang kehilangan maruah diri kerana telah mengadakan hubungan seks di luar ikatan perkahwinan. Oleh sebab itu, keadaan ini akan menyebabkan kemurungan kepada wanita yang terlibat.

Dalam Islam, perkataan dalam bahasa Arab *iqhtisāb* "إغتصاب" atau rogol secara literalnya membawa maksud mencabuli atau merampas sesuatu yang dimiliki oleh orang lain secara paksaan atau berlawanan dengan kehendak seseorang (Azahry Sonbol, 2002: 205). Dalam erti kata lain, hak seseorang wanita ke atas tubuhnya sendiri telah dicerobohi dan tidak wujud sebarang bentuk keizinan dalam sebarang hubungan seksual. Mazhab Sunni atau *madhāhib* "مذاهب", mengklasifikasikan jenayah rogol sebagai *Hirābah* "الحرابة" yang bermaksud jenayah yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan orang yang menyebabkan atau mendatangkan kerosakan kepada masyarakat atau pihak awam, membunuh, mengambil harta benda atau duit secara paksa seperti mencuri atau merompak, menyerang atau merogol wanita, membunuh binatang ternakan seperti lembu atau mendatangkan kerosakan kepada tanaman (Zuhur, 2005: 33; Norman, 2005: 3). Klasifikasi ini menunjukkan bahawa rogol merujuk kepada merampas atau mencabuli harta milik mangsa secara paksa, iaitu, autonomi seksual mangsa dan perilaku yang hodoh ini adalah *harām* "حرام" (Quraishi, 2003; Mazhar, 2002).

Hari ini, penguatkuasaan rogol statutori mencerminkan keprihatinan masyarakat tentang aktiviti seksual dalam kalangan remaja bawah umur. Kajian Hines dan Finkelhor (2007) tentang tiada paksaan, hubungan seksual secara sukarela antara orang dewasa dengan remaja, atau apa yang mereka istilahkan sebagai 'perilaku jenayah hubungan seksual statutori' atau 'hubungan statutori'. Kajian ini mendefinisikan istilah 'hubungan statutori' sebagai satu bentuk hubungan antara seorang remaja dengan seorang dewasa adalah haram kerana berlawanan dengan statut keizinan kes bawah umur. Selain itu, oleh sebab tidak ada unsur paksaan, kajian tersebut lebih cenderung untuk mendefinisikan kepentingannya ke atas unsur-unsur atau elemen-elemen penyertaan sukarela termasuk memulakan perilaku seksual, kembali untuk menjalinkan semula hubungan seksual, atau mengakui ada unsur romantis dalam hubungan dengan dewasa. Hines dan Finkelhor (2007) juga menyatakan bahawa terdapat kajian yang bersifat stereotaip dan yang paling banyak dilakukan tentang hubungan statutori ialah yang melibatkan remaja perempuan dengan lelaki dewasa. Hubungan statutori jenis ini adalah jenis yang kerap ditemui dan seringkali diberi perhatian dalam penyelidikan dan polisi awam. Begitu juga, kajian Troup-Leasure dan Snyder's (2005) telah mendapati bahawa hubungan statutori lazim dilaporkan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang; 95% mangsa adalah wanita dan pesalahnya kebanyakannya lelaki.

Leitenberg dan Saltzman (2000:211-214) telah menjalankan satu kajian seluruh negara ke atas remaja wanita tentang pengalaman pertama hubungan seksual dan usia pasangan lelakinya. Sejumlah 8,636 pelajar gred 8 ke 12 daripada 19 sekolah tinggi bersama-sama dengan 13 sekolah tinggi lainnya di Vermont, United States telah dipilih secara rambang untuk mendapat sampel yang besar. Tujuan kajian ini ialah untuk menerangkan implikasi dan risiko perilaku rogol statutori. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa sebahagian besar peratusan (31%) remaja perempuan bawah umur seawal usia 15 tahun telah mengadakan hubungan seksual dengan lelaki dewasa dan 16 tahun (45%). Pertama, dari segi implikasi rogol statutori. Kajian mendapati bahawa peratusan lelaki dewasa yang lebih tua semakin besar berbanding dengan remaja wanita apabila mereka mengadakan hubungan seks. Alasannya, remaja wanita yang muda adalah golongan yang amat mudah untuk dieksploitasi oleh lelaki dewasa yang lebih tua. Kedua, kajian ini mengenal pasti bahawa wanita-wanita yang telah mengadakan hubungan seks dengan lelaki dewasa yang lebih tua akan mempamerkan perilaku yang lebih bermasalah seperti cubaan bunuh diri, penyalahgunaan bahan, ponteng, dan mengandung. Kajian juga mendapati bahawa wanita yang telah buat pertama kali menjalin hubungan seksual seawal usia antara 11 hingga 12 tahun kebanyakannya dikaitkan dengan cubaan bunuh diri, ketagihan arak, penyalahgunaan bahan, dan kadar insiden mengandung yang tinggi. Sebaliknya, wanita-wanita yang telah mengadakan hubungan seksual antara usia 13 hingga 18 tahun akan lebih cenderung untuk terlibat dengan masalah-masalah seperti ketagihan arak dan ponteng.

Harden (2000:72-73) telah menjalankan kajian menilai kempen atau program-program tentang jenayah rogol statutori dalam usaha untuk menyediakan maklum balas yang lebih baik dan sokongan kepada mangsa-mangsa yang masih muda. Kajian ini telah menggunakan data daripada the *Statutory Rape Vertical Prosecution (SRVP) Programme* di California, United States, dengan mengkaji bahan di dalam fail-fail daripada tahun 1997 hingga 1998 yang telah dikumpulkan oleh mereka melalui Program Khidmat Komuniti. Kajian ini termasuk 109 fail mangsa wanita rogol statutori. Hasil kajian ini memperkukuhkan lagi keprihatinan masyarakat kini tentang permasalahan hubungan yang tidak seimbang antara hubungan remaja-dewasa. Salah satu hasil kajian yang diperolehi daripada kajian ini ialah terdapat jurang ketara umur mangsa dengan pelaku jenayah rogol iaitu sembilan tahun. Jurang umur yang begitu besar telah mengesahkan penemuan kajian ini tentang faktor yang tidak seimbang dalam hubungan tersebut, iaitu dari segi kematangan, pengalaman hidup, kedudukan sosial, sumber-sumber kewangan dan saiz fizikal. Misalnya, kajian ini telah mendapati bahawa keadaan kehidupan tertentu telah menjadikan wanita muda mudah menjadi mangsa rogol statutori. Salah satu faktor yang cenderung kepada jenayah rogol statutori ialah sejarah keganasan rumahtangga seperti penganiayaan dari segi seksual oleh keluarga. Lebih daripada satu perlima mangsa jenayah rogol statutori yang dilaporkan berpunca daripada institusi keluarga yang tidak stabil akibat keganasan rumah tangga. Kajian-kajian telah menunjukkan bahawa penganiayaan kanak-kanak pada awal usia muda mereka memberi kesan lebih besar kepada isu-isu berkaitan dengan fizikal mereka seumur hidup dan lain-lain hal tentang kesihatan termasuklah keganasan berterusan pada masa akan datang dan hubungan seksual yang tidak diingini (Corso, 2008; Manlove, Elizabeth & Erum, 2006; Elstein & Davis, 1997).

Kajian Manlove, Elizabeth & Erum (2006:196-207) misalnya, telah mencadangkan bahawa hubungan statutori boleh berlaku kerana pengalaman seks pada peringkat awal usia khususnya sejarah penganiayaan seksual boleh memberi kesan kepada mangsa untuk tertarik kepada lelaki yang jauh lebih tua daripada mereka. Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada tinjauan penyelidikan (*survey*) pada peringkat kebangsaan ke atas pertumbuhan keluarga yang telah dilakukan dalam kalangan 1,838 perempuan dan 1,426 lelaki berusia antara 18 hingga 24 tahun di United States. Remaja yang berasal dari persekitaran rumah yang kucar-kacir seperti terdapatnya sejarah penganiayaan secara seksual, penganiayaan secara fizikal, pengabaian, penyalahgunaan dadah atau arak, telah menyebabkan mangsa memilih untuk menjalin hubungan dengan orang dewasa. Alasan mereka ialah lelaki dewasa mampu menyediakan ruang buat mereka untuk keluar daripada permasalahan tersebut. Oleh sebab itu, institusi keluarga yang stabil amat penting untuk memastikan remaja tidak terjerumus kepada hubungan statutori.

Dalam kajian lain oleh Elstein dan Davis (1997) di Washington D.C. United States, menjelaskan sebab-musabab kenapa remaja wanita lebih cenderung menjalin hubungan dengan orang yang lebih tua atau dewasa daripada mereka. Kajian telah membuktikan kebanyakan remaja wanita muda ini tidak mendapat kasih sayang daripada seorang bapa dalam kehidupan mereka. Remaja wanita yang muda memerlukan kasih sayang bapa, yang pada masa sama memelihara dan melindungi mereka. Dalam kajian ini, remaja wanita muda yang dibesarkan daripada keluarga tanpa bapa akan mudah mengalami penganiayaan secara seksual. Akibatnya, ramai dalam kalangan remaja wanita muda tersebut mudah dieksploitasi oleh lelaki yang lebih dewasa atau tua daripada mereka. Pada masa yang sama remaja-remaja wanita ini terlalu tertekan dan ingin perhatian dari keluarga. Hal ini terjadi kerana bagi kebanyakan remaja wanita muda, mereka melihat lelaki dewasa sebagai 'penyelamat' yang akan memberi sokongan emosi dari segi kasih sayang dan perhatian. Ini menunjukkan bahawa apabila model peranan penjagaan dalam keluarga oleh lelaki ke atas remaja wanita tersebut tidak ada, seorang remaja wanita akan beralih kepada lelaki yang lebih dewasa atau lebih tua daripadanya dalam usaha memenuhi ruang yang selama ini tidak dilaksanakan.

Beberapa penyelidik berpendapat bahawa terdapat beberapa faktor yang memberi sumbangan kepada hubungan statutori. Higginson (1999) mendapati bahawa remaja wanita

muda lebih cenderung mendekati lelaki dewasa yang lebih tua kerana beberapa sebab. Antara alasan yang dikemukakan termasuklah laporan bahawa mereka ingin belajar lebih lagi tentang pengetahuan seks daripada seorang yang lebih tua daripada mereka. Mereka berpendapat bahawa berdasarkan pengetahuan seks tersebut ia lebih menyeronokkan atau menggembirakan. Selain daripada itu, Manlove, Elizabeth & Erum (2006: 197-207) mengatakan bahawa hubungan statutori berlaku kerana kelemahan pertimbangan di pihak mangsa. Terdapat laporan yang menyatakan bahawa sebahagian wanita mendakwa lelaki yang lebih dewasa menunjukkan sifat yang lebih matang semasa bercinta berbanding dengan lelaki yang sebaya dengan mereka.

Dalam satu kajian lain oleh Fishman, Gardiner, dan Glosser (2006), mereka mendakwa bahawa hubungan statutori terjadi kerana perilaku lelaki yang lebih tua ini mungkin telah mendorong mereka mencari pasangan seksual yang lebih muda. Kajian ini telah dijalankan dengan menilai semula undang-undang negara berkaitan jenayah rogol statutori di United States. Kajian telah menunjukkan bahawa keperluan untuk berkuasa dan menguasai ke atas pasangan telah mendorong sebahagian golongan dewasa melakukan jenayah rogol statutori. Bagi setengah kes, lelaki dewasa yang lambat mencapai tahap 'kedewasaan' atau dianggap sebagai tidak matang meskipun usia mereka sudah mencapai umur dewasa dari segi undang-undang, dan tidak dapat menarik perhatian wanita yang sebaya dengan mereka, akan mencari wanita-wanita yang jauh lebih muda daripada mereka sebagai mangsa jenayah seksual mereka. Menurut kajian, hal ini demikian kerana mereka ingin mencari pasangan yang sama taraf dengan tahap kematangan mereka.

Ringkasnya, selain daripada masalah-masalah yang diutarakan, seorang wanita mungkin akan berasa selamat dalam hubungan tersebut. Oleh itu, kajian tersebut mendakwa bahawa kemiskinan, keluarga yang tidak stabil, dan pencabulan ke atas mereka pada zaman kanak-kanak, telah memungkinkan remaja wanita muda terdedah kepada perhatian dan kasih sayang lelaki yang lebih dewasa atau tua. Selain daripada itu, lelaki dewasa mampu menyediakan jaminan sumber kewangan, kestabilan emosi, dan lain-lain sumber yang mangsa percaya dapat disediakan oleh lelaki tersebut. Oleh sebab itu, mangsa percaya bahawa lelaki yang lebih tua dan lebih matang akan dapat menjamin kehidupan mereka pada masa hadapan atau menyediakan satu ruang buat mereka 'melarikan diri' daripada permasalahan yang dihadapi oleh mereka (Manlove, Elizabeth & Erum, 2006: 197-207; Elstein & Davis, 1997; Higginson, 1999).

Metodologi

Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisa teks. Pendekatan analisa teks merujuk kepada "*a research technique for making replicable and valid inferences from text or data to a context of their use*" (Krippendorff, 1980:21). Sebahagian besarnya, pendekatan tersebut berkait rapat dengan usaha membuat kesimpulan berasaskan makna yang terdapat pada teks. Teks di sini hanya merujuk kepada laporan polis dan kenyataan yang dibuat di balai polis oleh kedua-dua belah pihak, iaitu, pelaku jenayah rogol statutori dan mangsa. Untuk tujuan ini, 45 laporan kes jenayah rogol di IPK, Kuala Lumpur dari tahun 2006 hingga 2009 telah dikumpul dan dianalisa. Daripada jumlah ini, 40% (18 kes) dikategorikan sebagai kes jenayah rogol statutori, dan 60% (27 kes) kes jenayah rogol bukan-statutori. Artikel ini secara khususnya akan memberi perhatian secara spesifik kepada kes jenayah rogol statutori. Walau bagaimanapun, fokus kepada kajian di sini hanya terhad kepada orang Melayu, sama ada mangsa atau si pelakunya. Kesemua kes yang dipilih ini adalah berdasarkan kes laporan penyiasatan yang telah lengkap supaya maklumat yang diperolehi melalui kajian ini adalah bersifat rasmi dan lengkap.

Hasil Kajian Dan Analisa

Rogol statutori merujuk kepada persetujuan yang berlaku sama ada dengan izin atau tanpa izin dengan wanita yang berusia di bawah 16 tahun. Meskipun perangkaan daripada Jabatan Siasatan Jenayah, Polis DiRaja Malaysia telah menunjukkan bahawa lebih daripada 90% kes jenayah seks yang telah dilaporkan yang melibatkan mangsa bawah 18 tahun telah diselesaikan dengan si pelaku jenayah tersebut, tanpa mengira umur, ditangkap dan didakwa. Bagaimanapun terdapat peningkatan trend kepada kesalahan seksual ini. Bilangan si pelaku seksual dalam kalangan kanak-kanak yang melibatkan jenayah seksual semakin berterusan meningkat dari tahun 2007 hingga ke 2010.

Pada tahun 2007, terdapat 3,098 kes yang telah dilaporkan dan daripada jumlah ini, 1,653 kes melibatkan mangsa berusia bawah 16 tahun. Bagi tahun 2009, terdapat lebih 600 kes yang telah dilaporkan dan lebih 800 kanak-kanak berusia antara 13 dan 18 tahun telah ditangkap kerana kesalahan merogol. Dalam tahun 2010, daripada Januari hingga ke June sahaja, terdapat 1,295 kes yang melibatkan 1,854 pelaku, dan daripada jumlah tersebut, 324 adalah pesalah kanak-kanak (Arukesamy, 2010). Selain itu, perangkaan Polis DiRaja Malaysia yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Jenayah Seks dan Siasatan Kanak-Kanak telah melaporkan bahawa terdapat trend yang membimbangkan, iaitu hampir 80% daripada mereka yang melakukan jenayah seksual ke atas kanak-kanak adalah mereka yang rapat atau dikenali oleh mangsa seperti jiran tetangga dan saudara-mara (The New Straits Times, 2010). Terdapat beberapa sebab yang boleh dikemukakan untuk menjelaskan perkara tersebut.

Pertama, pengawasan ibubapa yang lemah (*poor parenting*). Pengawasan ibubapa yang lemah di sini berkait rapat dengan cara keibubapaan yang 'terlalu liberal dan fleksibel', khususnya tentang pergaulan anak-anak dengan teman-teman mereka yang berlainan jantina. Pada hakikat yang sebenarnya, ibubapa perlu mengawal selia batasan pergaulan anak-anak dengan mereka yang berlainan jantina. Ini selaras dengan ajaran Islam yang tidak membenarkan pergaulan anak-anak yang berlainan jantina untuk berinteraksi di luar batasan dan prinsip Syariah dikhuatiri terjerumus kepada hubungan seksual atau zina. Kajian ini telah membuktikan bahawa pengawasan ibubapa yang lemah ke atas pergaulan anak-anak mereka, khususnya dengan mereka yang berlainan jantina akan menyebabkan mereka terjerumus kepada jenayah rogol statutori. Ini dapat dilihat dalam beberapa kes yang ditemui dalam kajian ini. Misalnya; kes Amir berikut:

Azhan dan Kalsom mengatakan bahawa Mira sering datang ke rumah berjumpa anak mereka, Amir sewaktu mereka keluar bekerja. Malah, Mira akan lebih kerap datang ke rumah mereka pada musim cuti sekolah untuk bersama-sama Amir. Mira bukan sahaja datang ke rumah, tetapi akan turut bermalam di rumah mereka. Mira mendakwa yang dia dan Amir sering mengadakan hubungan seks. Menurut ibu Amir, Kalsom, Mira suka bermalam di rumah mereka dan bila pagi, Mira dilihat tidur bersama dengan Amir di dalam bilik. Walaupun, keluarga Amir telah menasihati Mira tentang tingkah lakunya itu, tetapi mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana telah menganggap Mira sebagai anak sendiri.

Kes di atas telah mengemukakan beberapa isu penting. Pertama, ibubapa perlu mengawasi dengan tegas perilaku anak-anak dan memantau ke mana mereka selalu berada. Ini penting supaya anak mereka tidak terjerumus kepada aktiviti yang tidak diingini atau sebarang salahlaku sosial. Pada masa sama, ibubapa perlu juga memantau jaringan teman anak-anak mereka untuk mengelak salah laku dalam hubungan sosial mereka. Ini termasuklah, antara lain, berpacaran (*coupling*), dan aktiviti-aktiviti selepas waktu sekolah. Kedua, kesedaran agama yang rendah dalam kalangan ibubapa berkaitan dengan cara keibubapaan (*parenting*) dalam menangani tingkah laku anak-anak mereka terutama dari aspek pergaulan dengan berlainan jantina. Dalam erti kata lain, apa yang menjadi persoalan di sini ialah isu moral, keagamaan dan jenayah rogol statutori.

Kedua, berpacaran (*coupling*). Berpacaran pada usia yang muda boleh dikaitkan dengan kelemahan pengawasan ibubapa (*poor parenting*). Kajian ini membuktikan daripada 18 kes yang dilaporkan, 89% (16 kes) melibatkan pasangan berpacaran pada usia yang terlalu muda. Kebanyakan mereka mengakui menjalin hubungan berpacaran dengan si pelaku. Hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa mangsa bawah umur terdedah kepada pelbagai bentuk salah laku semasa berpacaran, iaitu pendedahan awal kepada hubungan seksual yang tidak diinginkan. Akibatnya, mangsa terjebak dalam jenayah rogol statutori. Kajian ini telah membuktikan si pelaku akan mengambil kesempatan daripada status hubungan percintaan mereka bahawa berpacaran membolehkan mereka untuk mengadakan hubungan seks. Bagi si pelaku, seks dianggap sebagai santai murahan dan berpacaran dengan mangsa bawah umur akan memudahkan lagi kerja mereka untuk memperdayakan mangsa untuk mengadakan hubungan seks suka sama suka. Tambahan lagi, hubungan yang intim membolehkan mereka untuk 'ringan-ringan' (*foreplay*) sewaktu berpacaran (*coupling*) yang akhirnya membawa kepada kejadian jenayah rogol statutori.

Dalam kajian ke atas kes-kes yang dilaporkan ini, 39% (tujuh kes) mangsa telah mengadakan hubungan seks dengan pasangan sewaktu mereka berpacaran selepas 'ringan-ringan'. Perilaku seks bermula dengan 'ringan-ringan' seperti meraba-raba, bercium, dan akhirnya mengadakan hubungan seks dengan mangsa. Ini dapat diterangkan dengan lebih lanjut melalui kes berikut:

Marina berusia 14 tahun telah bertemu Faiz, berusia 19 tahun melalui seorang kawannya, Sasha. Pada satu malam, Marina mengajak Faiz ke rumahnya untuk menolong kerja sekolah. Selepas selesai menolong kerja sekolah, Faiz telah masuk ke bilik Marina untuk baring dan rehat. Apabila Marina melihat Faiz baring di atas katilnya, Marina telah duduk di sebelahnya. Kemudian, Faiz bangun dan menutup pintu bilik dan mula berpelukan dan mencium Marina. Faiz mendakwa Marina tidak membantah dan hanya mendiamkan diri. Kemudian, Faiz meramas buah dada Marina, mencium pipinya dan membuka pakaiannya. Mereka kemudiannya telah mengadakan hubungan seks atas dasar suka sama suka.

Ketiga, ponteng sekolah. Kajian mendapati bahawa 11% (dua kes) mangsa telah terlibat dalam ponteng. Mangsa memberi pelbagai alasan ponteng dan antara lain, kerana ingin menggunakan waktu sekolah untuk berpacaran, lepak di kompleks-kompleks perniagaan, bersiar-siar di sekitar bandar bersama pasangan, dan berpeleseran dengan gaya hidup 'santai' dan berhibur. Ini dapat dilihat melalui kes berikut:

Kamilah, berusia 14 tahun telah berpacaran dengan Zamri, berusia 21 yang bekerja sebagai pembantu juruteknik. Pada satu malam, sewaktu berkomunikasi melalui pesanan ringkas (sms), Zamri telah mengajak Kamilah untuk menemaninya pada keesokan hari ke Kuala Lumpur. Keesokan harinya, Zamri telah pergi dan menjemput Kamilah sewaktu masa rehat di sekolah dengan motorsikalnya. Zamri kemudiannya berhenti di sebuah stesen minyak kerana Kamilah ingin menukar pakaian sekolahnya ke pakaian biasa. Mereka telah pergi ke Kuala Lumpur dan mendaftar masuk di sebuah hotel. Di bilik hotel tersebut, Zamri mengajak Kamilah untuk 'bermain' (mengadakan hubungan seks). Kamilah bersetuju dan mereka telah mengadakan hubungan seks atas dasar suka sama suka.

Kes di atas telah mengemukakan beberapa isu penting tentang jenayah rogol statutori. Pertama, kegagalan pihak berkuasa sekolah untuk memaklumkan kepada ibubapa pelajar setiap kali anak mereka tidak hadir ke sekolah. Pihak sekolah bukan sahaja tidak memaklumkan kepada pihak ibubapa pelajar, tetapi tidak juga membuat panggilan atau menjemput mereka ke sekolah untuk mendapat penjelasan dan justifikasi di mana anak-anak mereka berada kerana tidak hadir ke sekolah. Ini adalah untuk memastikan bahawa ibubapa pelajar tersebut benar-benar mengetahui dan prihatin tentang aktiviti anak-anak mereka semasa dan selepas waktu sekolah. Pada masa yang sama, pihak berkuasa sekolah perlu mengambil pendekatan yang

mengambil pendekatan yang proaktif dalam menangani isu ponteng sekolah terutamanya dari segi keselamatan pelajar-pelajar mereka. Oleh sebab itu, kajian ini mendapati kejadian ponteng sekolah boleh menjadi faktor penyumbang utama kepada jenayah rogol statutori terutamanya dalam kalangan remaja.

Keempat, lepak. Kajian telah mendapati bahawa ibubapa cuai dan tidak mengetahui di mana anak-anak mereka berlepak. Hasil kajian ini menunjukkan lepak memberi sumbangan 78% (14 kes) kes jenayah rogol statutori di Kuala Lumpur dari tahun 2006 hingga 2009. Pelbagai lokasi tertentu telah digunakan oleh mangsa dan si pelaku untuk lepak. Lokasi-lokasi tersebut termasuk 57% (lapan kes) di rumah si pelaku atau rumah keluarga-mangsa, 21% (tiga kes) rumah sewa si pelaku, 14% (dua kes) di kompleks perniagaan dan 7% (satu kes) rumah teman si pelaku. Berdasarkan fakta kes, 57% kes rogol berlaku sama ada di rumah keluarga si pelaku atau mangsa. Terdapat dua kategori lepak, iaitu aktiviti lepak sahaja, dan lepak-beserta-'ringan-ringan'.

Pertama, aktiviti lepak sahaja. Aktiviti ini hanya melibatkan lepak bersama-sama teman berlainan jantina di pelbagai lokasi seperti di rumah kawan atau rumah ibubapa mereka. Dalam kes ini, mangsa, si pelaku dan teman-teman mereka bergaul bebas tanpa batasan dengan gaya hidup bersantai, lepak dan adakalanya berlaku hubungan perilaku seksual. Kajian ini telah menunjukkan bahawa si pelaku akan menggunakan rumah kediaman keluarga mangsa sebagai tempat mereka berpacaran terutama bila ibubapa mangsa keluar bekerja atau berada di luar daerah atas urusan kerja. Begitu juga, mangsa akan mengambil kesempatan ini menjemput pasangannya ke rumahnya untuk lepak dan adakalanya bermalam yang akhirnya mendorong mereka mengadakan hubungan seks. Ini dapat diterangkan melalui kes berikut:

Megat berusia 17 tahun, dan Zulaika berusia 14 tahun adalah pasangan yang sedang dilamun cinta. Satu hari, Megat telah pergi ke rumah Zulaika sewaktu kedua-dua ibubapa Zulaika keluar bekerja. Semasa berada di dalam rumah, Megat dan Zulaika duduk di ruang tamu sambil menonton televisyen. Kemudian, mereka mula 'bermain' (foreplay) dan akhirnya mengadakan hubungan seks. Zulaika memberitahu Megat bahawa hubungan seks ini adalah bukti cintanya dan meminta Megat berjanji supaya tidak meninggalkannya dan mengahwininya pada masa hadapan.

Kedua, lepak-beserta-'ringan-ringan'merujuk kepada pasangan yang acapkali melakukan hubungan intim seperti bercium, berpelukan atau 'ringan-ringan', dan mengadakan hubungan seks setiap kali mereka berpacaran dan bertemu. Ini dapat dijelaskan melalui kes berikut:

Megat berusia 17 tahun, dan Zulaika berusia 14 tahun adalah pasangan yang sedang dilamun cinta. Satu hari, Megat telah pergi ke rumah Zulaika sewaktu kedua-dua ibubapa Zulaika keluar bekerja. Semasa berada di dalam rumah, Megat dan Zulaika duduk di ruang tamu sambil menonton televisyen. Kemudian, Megat merapatkan dirinya dengan Zulaika dan mula bercumbu-cumbuan, mencium bibir dan pipi Zulaika. Megat mengatakan dia tidak dapat menahan nafsunya yang mengelodak dan mengajak Zulaika ke bilik untuk mengadakan hubungan seks.

Berdasarkan huraian kes di atas, jelas bahawa aktiviti lepak-beserta-'ringan-ringan' dalam kalangan pasangan yang berpacaran telah mendorong kepada salah laku yang tidak diingini, iaitu hubungan seks. Keadaan ini ditambah pula dengan kurangnya pengawasan ibubapa terutamanya bagi ibubapa yang bekerja, ke atas tingkah laku anak-anak mereka. Jadual tugasan yang ketat dalam kalangan ibubapa yang berkerjaya merupakan indikator penting kepada berlakunya salah laku dalam kalangan anak-anak. Ini jelas dapat dibuktikan melalui hasil kajian ini khususnya bagi golongan remaja belasan tahun yang ditinggalkan bersendirian di rumah. Oleh yang demikian, institusi keluarga memainkan peranan penting bagi

mengekang situasi daripada terus merebak terutamanya dalam menangani isu jenayah rogol statutori.

Kesimpulan

Kesimpulannya, anak-anak perlu diberi pendedahan oleh ibubapa betapa pentingnya pengetahuan nilai agama dalam kehidupan. Ibubapa yang mempunyai kesedaran agama yang rendah dalam membentuk sahsiah anak-anak boleh menyebabkan anak-anak mereka tersimpang jauh daripada Islam (Mohammad Amin, 2011). Sebagaimana dinyatakan dalam sebuah Hadith bahawa ibubapa yang menentukan akhlaq anak-anak. Sabda Rasulullah s.a.w., "Perkara terbaik seorang ayah berikan kepada anaknya ialah akhlaq dan etika yang baik" (Najmuddin, 1978:3). Oleh yang demikian, jelas bahawa tanpa atau kurang pendidikan agama akhirnya boleh membawa kepada pelbagai salah laku seksual yang tidak diinginkan. Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa gaya hidup bebas dan 'santai' mangsa dan si pelaku tanpa batasan syariah telah mengakibatkan mereka mengadakan hubungan seksual yang terlarang. Keluarga memainkan peranan penting sebagai teladan dan model contoh dalam usaha mendidik anak-anak mereka tentang peri pentingnya nilai agama dalam kehidupan terutama dalam bab pergaulan dengan individu berlainan jantina. Pihak ibubapa yang mengambil sikap sambil lewa dan amat mudah ke atas hubungan dan pergaulan bebas anak-anak mereka merupakan satu fakta nyata betapa mereka sebenarnya berdepan dengan krisis kejahilan ilmu agama sebagai asas kehidupan. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa dalam usaha mendidik anak-anak, perlu bagi pihak ibubapa untuk menasihati dan memberi bimbingan agama supaya mangsa dan si pelaku sedar akan batasan-batasan dalam pergaulan mereka seharian. Pendekatan sedemikian akan memberi impak positif terutamanya dalam usaha mencegah salah laku seksual dalam kalangan remaja.

Selain itu, dalam menangani kes jenayah rogol statutori, beberapa cadangan penting perlu diketengahkan. Ini termasuklah pembentukan polisi dalam kalangan pembuat dasar untuk berbincang dari segi impak jenayah tersebut kepada masyarakat khususnya dari segi nilai dan moral. Kesejahteraan sosial komuniti bergantung sepenuhnya kepada peranan yang dimainkan oleh individu dan masyarakat amnya, terutamanya institusi keluarga. Di samping itu, agensi-agensi berkaitan seperti sekolah, penguatkuasa undang-undang perlu berganding bahu dengan pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan untuk mencegah jenayah rogol statutori. Kesemua pihak wajib mengembelikan tenaga dalam membetulkan pendekatan menangani salah laku remaja dalam masyarakat. Kemungkinan, ketegasan polisi dan penguatkuasaan undang-undang yang tegas perlu dilaksanakan bukan sahaja untuk mengawal selia, tetapi mencegah jenayah salah laku seks daripada terus menjadi penyakit kepada masyarakat yang boleh menggugat kesejahteraan sosial komuniti.

Rujukan

- Asmah Ahmad. (1999). Ketaksamaan kesejahteraan sosial di Malaysia: Suatu manifestasi pembangunan tak seimbang. Prosiding Seminar Kebangsaan Alam, Manusia dan Pembangunan di Malaysia: Dasar, Strategi dan Kelestariannya. Jabatan Geografi, UKM.
- Arukesamy, Karen. (2010). Prison not the answer for minor offenders of rape. Retrieved November 26, 2010, from <http://www.thesundaily.my/>
- Azhary Sonbol, Amira El. (2002). *Women of Jordan: Islam, labor and the law*. New York: Syracuse University Press.
- Carmona, M. (2001). Sustainable urban design: A possible agenda. In A. Layard, S. S. Davoudi & S. Batty (eds.), *Planning for a sustainable future* (pp. 165-192 London: Spon Press.

Cozens, P. (2007). Planning, crime and urban sustainability. *Sustainable Development and Planning* 3 (1), 187-196.

Corso, Phaedra S., Edwards, V.J., Fang, X., Mercy, James A. (2008). Health-related quality of life among adults who experienced maltreatment during childhood. Retrieved February 14, 2012, from <http://search.proquest.com/docview/215090492/fulltextPDF/134E0C9700317BE4631/6?accountid=44024>

Cronkhite, Clyde L. (2005). Fostering community partnerships that prevent crime and promote quality of life. *FBI Law Enforcement Bulletin*, 74 (5), 7-10. Retrieved February 3, 2012, from <http://search.proquest.com/docview/204147070/fulltextPDF/134A676899331C58E7F/17?accountid=44024>

Elstein, Sharon G. & Davis, N. (1997). *Sexual relationships between adult males and young teenage girls*. Chicago: American Bar Association.

Federal Constitution. (2008). Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Fishman, Michael, Gardiner, K., & Glosser, A. (2006). *Exploring community responses to statutory rape*. Washington: U.S. Department of Health and Human Services.

Harden, Julie E. (2000). Consenting victims: A study of statutory rape. M.S. dissertation, California State University, Long Beach, United States – California, Retrieved September 22, 2010, from Dissertations & Theses: Full Text. (Publication No. AAT 1402250).

Higginson, Joanna G. (1999). Defining, excusing, and justifying deviance: Teen mothers' accounts for statutory rape. *Symbolic Interaction*, 22 (1), 25-46.

Hines, Denis A. and David Finkelhor. (2007). Statutory sex crime relationships between juveniles and adults: A review of social scientific research. *Aggression and Violent Behavior*, 12, 300-314.

Keyes, C.L.M., (1998). Social well-being. *Social Psychology Quarterly*, 61(2), 121-140.

Krippendorff, Klaus. (1980). *Content analysis: An introduction to its methodology*. Newbury Park: Sage Publications.

Leitenberg, Harold and Saltzman, H. (2000). A statewide survey of age at first intercourse for adolescent females and age of their male partners: Relation to other risk behaviors and statutory rape implications. *Archives of Sexual Behavior*, 29 (3), 203-215.

Manlove, Jennifer, Elizabeth Terry-Humen and Erum Ikramullah. (2006). Young teenagers and older sexual partners: Correlates and consequences for males and females. *Perspectives on Sexual and Reproductive Health*, 38 (4), 197-207.

Mazhar, Uzma. (2002). Rape and incest: Islamic perspective. Retrieved January 13, 2010, from <http://www.crescentlife.com>

Massoomah Hedayati Marzbali, Aldrin Abdullah, Nordin Abd. Razak & Mohammad Javad Maghsoodi Tilaki. (2011). A review of the effectiveness of crime prevention by design: Approaches towards sustainable development. *Sustainable Development*, 4 (1), 160-172.

Norman, Julie. (2005). Rape law in islamic societies: Theory, application and the potential for reform. Retrieved January 11, 2010, from http://www.globalwebpost.com/farooqm/study_res/islam/gender/normanrape.pdf

Nussbaum, M. (2000). *Women and human development: The capabilities approach*. Cambridge: Cambridge University Press.

Quraishi, Asifa. (2003). Her honor: An islamic critique of the rape laws of Pakistan from woman sensitive perspective. Retrieved January 12, 2010, from <http://www.karamah.com>

Sabit, Mohammad Tahir. (2010). Principles of sustainable development in Ibn Khaldun's economic thought. *Malaysian Journal of Real Estate*, 5 (1), 1-18.

Schneider, H., & Kitchen, T. (2002). *Planning for crime prevention: A transatlantic perspective*. New York: Routledge.

Shehnaz Shaikh & Kausar Khatri. (2007a). *The glorious Quran: word-for-word translation to facilitate learning of Quranic arabic-volume 1 (Juz 1-10)*. New Delhi: QPS Setting & Printing.

Shehnaz Shaikh & Kausar Khatri. (2007b). *The glorious Quran: word-for-word translation to facilitate learning of Quranic arabic-volume 3 (Juz 21-30)*. New Delhi: QPS Setting & Printing.

The New Straits Times. (2010). Sex Crimes Rise in Malaysia. Retrieved November 26, 2010 from <http://www.asianewsnet.net/home/news.php?id=13406>

Troup-Leasure, Karyl & Snyder, H.N. (2005). *Statutory rape known to law enforcement*. Washington: Office of Juvenile Justice & Delinquency Prevention.

United States Institute of Peace. (2012). Guiding Principles for Stabilization and Reconstruction. Retrieved September 25, 2012 from <http://www.usip.org/guiding-principles-stabilization-and-reconstruction-the-web-version/social-well-being>

White, S. C. (2008). But what is wellbeing? A framework for analysis in social and development policy and practice. Paper presented at Conference on Regeneration and Wellbeing: Research into Practice, University of Bradford, 24–25 April 2008.

World Health Organization. (2009). What do we mean by sex and gender. Retrieved July 1, 2011, from <http://www.crescentlife.comhttp://www.who.int/gender/whatisgender/en/index.html>

Zuhur, Sherifa. (2005). Gender, sexuality and the criminal laws in the Middle East and North Africa: A comparative study. Retrieved January 12, 2010, from <http://www.wwhr.org>